

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1991/1992**

**Oktober/November 1991**

**BST 423/3: PENGURUSAN PERSEKITARAN**

**Masa: [3 jam]**

---

**Jawab LIMA daripada ENAM soalan.**

**Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.**

---

(BST 423/3)

1. Tuliskan catatan-catatan ringkas mengenai dua perkara berikut:
  - (a) NEPA (National Environmental Policy Act, 1969)  
(7 markah)
  - (b) Dasar persekitaran nasional Malaysia  
(7 markah)
  - (c) Pemuliharaan persekitaran  
(6 markah)
2. Apakah komponen utama strategi pemuliharaan dunia? Bincangkan bagaimana ia boleh membantu proses pengwujudan keharmonian di antara alam sekitar dan manusia.  
(20 markah)
3. Bincangkan bagaimana kajian-kajian garisdasar boleh membantu penyelidik-penyelidik membuat penaksiran impak persekitaran yang lebih berkesan. Apakah pula kelemahan-kelemahan yang terdapat pada kajian-kajian garisdasar?  
(20 markah)
4. Di dalam menjalankan sesuatu kajian EIA beberapa aspek persekitaran dan sosioekonomi perlu dibuat ramalan dan penelitian. Bincangkan langkah-langkah asas yang perlu

(BST 423/3)

diambil bagi menyediakan ramalan dan penelitian terhadap persekitaran biologi.

(20 markah)

5. Di dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 terhadap beberapa bahagian. Bahagian empat terkandung larangan dan kawalan mengenai pencemaran.

- (a) Nyatakan larangan dan kawalan yang telah ditetapkan.
- (b) Pada pendapat anda adakah larangan dan kawalan ini memadai untuk melindungi persekitaran kita.  
Bincangkan.

(20 markah)

6. Banyak degradasi alam sekitar telah berlaku di sekeliling kita. Bincangkan kepentingan pendidikan sebagai langkah jangka panjang bagi membentuk masyarakat yang arif tentang alam sekitar.

(20 markah)